

♥22/02/19-44MST

CNS4845

U GB 22-02 00194 BA204

Aab

Mahathir - Teluk

SHAH ALAM, 22 Feb (Bernama) -- Malaysia bimbang tidak akan wujud lagi keseimbangan kuasa di Asia Barat selepas tamatnya Perang Teluk apabila negara-negara Islam di rantau itu akan menjadi lemah kerana tidak lagi mendapat bekalan senjata dari negara-negara Barat atau Soviet Union.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata dalam keadaan sedemikian, rejim Tel Aviv akan muncul sebagai kuasa besar manakala harga minyak akan dikawal oleh kuasa asing, bukannya oleh anggota Pertubuhan Negara Pengeksport Minyak (OPEC).

+Kita khuatir tidak wujud lagi imbalan (kuasa) di Asia Barat kerana Iraq akan menjadi negara lemah dan negara-negara Islam yang lain tidak lagi mendapat bekalan senjata dari Barat dan Soviet,+ katanya pada persidangan akhbar selepas merasmikan kilang Canon Opto (Malaysia) Sdn Bhd, syarikat pengeluar kamera Canon, di sini.

Kata beliau, negara-negara di Asia Barat juga akan berada di bawah telunjuk sebuah kuasa besar yang +telah membuktikan keupayaannya menghancurkan mana-mana negara di Asia Timur yang cuba mengadakan kuasa tentera yang besar+.

Jika itu berlaku, banyak masalah ketidakadilan di peringkat antarabangsa seperti soal Palestin akan sukar diselesaikan, tambahnya. --
Lagi.

♥22/02/20-19MST

CNS4852

U GB 22-02 00174 BA207

Aab

Mahathir - Teluk 2 Shah Alam

Perdana Menteri berkata, Malaysia bersedia membantu ke arah usaha penyusunan semula keadaan di Asia Barat mengikut kadar yang termampu.

Mengenai cadangan terbaru gencatan senjata yang dianjurkan oleh Soviet Union, beliau berkata Malaysia menghargai campur tangan dan peranan Soviet untuk menyelesaikan krisis itu walaupun kuasa besar itu sedang menghadapi masalah dalam negaranya.

Menurutnya, campur tangan Soviet itu memberi nafas baru kepada dunia terutama pada masa Amerika Syarikat kini menjadi kuasa yang begitu kuat sehingga tidak ada negara yang boleh menandinginya.

+Kita khuatir sekali jika tidak ada imbangan antara Timur dan Barat dalam masalah antarabangsa. Hanya satu kuasa sahaja begitu kuat sehingga tidak peduli sama sekali pandangan pihak lain,+ katanya dan menambah ia mungkin membawa kepada ketidakadilan dan penindasan.

Berhubung berita terbaru yang menyebut Iraq sedia berundur dari Kuwait tanpa syarat, Datuk Seri Dr Mahathir berkata: +Alhamdulillah, saya harap dia (Iraq) betul-betul undur dari Kuwait secepat mungkin supaya tidak ada kematian yang sia-sia itu.+ -- Lagi.

♥22/02/20-38MST

U GB 22-02 00178 BA208

Aab

Mahathir - Teluk 3 Shah Alam

Segalanya kini terserah kepada Amerika Syarikat (untuk menerima rancangan damai itu), kata Perdana Menteri. Malaysia sebelum ini sudah meminta Amerika menerima cadangan awal Iraq walaupun bersyarat.

+Kalau tidak setuju dengan syarat itu, patutlah berunding... tetapi dengan meneruskan pengeboman terhadap Iraq dengan tujuan menghancurkan Iraq sama sekali, bukanlah membuktikan keinginan untuk mencari kedamaian dan keamanan,+ katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir menambah, Malaysia akan terus menggunakan saluran Bangsa-Bangsa Bersatu ke arah mencari penyelesaian Perang itu kerana, menurutnya, usaha Malaysia secara bersendirian sahaja tidak akan berkesan.

Mengenai jaminan kerajaan Arab Saudi terhadap keselamatan umat Islam untuk mengerjakan haji tahun ini, Perdana Menteri berkata Kabinet akan membuat keputusan berhubung perkara itu pada awal bulan depan.

Katanya, kerajaan perlu meneliti keadaan keselamatan di negara itu sebelum membenarkan umat Islam negara ini pergi mengerjakan haji.

Yang hadir sama pada majlis itu ialah Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz dan Menteri Besar Selangor Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib. -- Bernama.